

Terma-terma dan Syarat-syarat Program “Akaun Semasa BizCA+” UOB Malaysia (“Terma dan Syarat”)

Program Akaun Semasa BizCA+ (“Program”) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)) (“UOB Malaysia”) akan sedia-ada kepada Pelanggan yang Layak sehingga tempoh yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia.

Variasi kepada Terma dan Syarat

Pindaan berikut dibuat kepada Terma dan Syarat akan berkuat kuasa mulai 2 Mei 2025:

- Kemaskini 5.a.: Langganan kepada Perkhidmatan Deposit Semalaman (*Overnight Deposit Service* atau “ODS”) akan tertakluk kepada kelulusan UOB Malaysia.

Kelayakan

1. Program ini terbuka untuk semua pelanggan korporat UOB Malaysia yang baru dan sedia ada, yang memenuhi semua kriteria berikut (“Pelanggan yang Layak”):-
 - a) membuka akaun semasa UOB Malaysia (*current account* atau “CA”) yang baru dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM25,000; dan
 - b) melanggan pakej premium Perkhidmatan *Business Internet Banking* UOB (“BIB”).
2. Deposit permulaan untuk CA mestilah daripada dana baru. Dana baru merujuk kepada yang berikut:-
 - a) tunai, dana yang diterima daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan didepositkan ke dalam CA.
3. Untuk mengelakkan keraguan, dana yang dipindahkan dari mana-mana akaun simpanan/semasa/deposit tetap/matawang asing UOB Malaysia yang sedia ada atau dalam bentuk cek, perintah jurubank atau draf permintaan UOB Malaysia tidak dianggap sebagai dana baru.
4. Pelanggan UOB Malaysia yang mempunyai pemegang saham atau ahli yang terdiri daripada atau termasuk mana-mana kakitangan (kekal atau berkontrak) UOB Malaysia (termasuk syarikat berkaitan UOB Malaysia) dan syarikat berkaitan dengan UOB Malaysia dan/atau ahli keluarga terdekat mereka tidak layak menyertai Program ini.

Ciri-ciri Program

5. Pelanggan yang Layak akan berhak menikmati keistimewaan seperti berikut (“Keistimewaan”):-
 - a. Langganan kepada Perkhidmatan Deposit Semalaman (*Overnight Deposit Service* atau “ODS”) akan tertakluk kepada kelulusan UOB Malaysia, dan UOB Malaysia berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permintaan langganan mengikut budi bicara UOB Malaysia;
 - b. Kadar faedah seperti yang dinyatakan pada [laman mikro BizCA+](#) di laman web korporat UOB Malaysia di www.uob.com.my;
 - c. pengecualian caj transaksi keluar bagi RENTAS, Interbank GIRO dan DuitNow yang dilakukan melalui BIB. Untuk mengelakkan keraguan, fi dan caj yang standard akan dicajkan untuk transaksi yang dilakukan di kaunter; dan
 - d. menikmati BIB yang percuma;
 - e. menikmati perkhidmatan MT103 melalui BIB yang percuma;
 - f. menikmati perkhidmatan UOB eAlerts! Service Package 1 bagi satu emel yang percuma; dan
 - g. Jaminan X’press dengan bayaran pada kadar promosi 1.20% setahun dengan minimum caj RM100.
6. Jika baki purata bulanan CA di bawah RM25,000:-

- a. caj perkhidmatan sebanyak RM25 (tertakluk kepada cukai perkhidmatan semata) sebulan akan didebitkan dari CA; dan
 - b. untuk tempoh tiga (3) bulan berturut-turut, Pelanggan yang Layak tidak lagi layak untuk menerima Keistimewaan.
7. Program ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat masing masing yang mengawal CA, ODS, serta BIB yang ditetapkan oleh UOB Malaysia termasuk sebarang pindaan atau variasi kepada terma tersebut.
8. CA dan ODS dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.

Terma dan Syarat Am

9. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini, termasuk sebarang pemindaan atau variasi kepada terma tersebut. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal CA, ODS, Perkhidmatan UOB eAlerts! dan BIB, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai untuk tujuan Program ini.
10. Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa keputusan UOB Malaysia dalam apa-apa perkara berhubung dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Pelanggan yang Layak. Tiada rayuan atau surat-menyurat dari mana-mana Pelanggan yang Layak akan dilayan.
11. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kematian, kerugian atau ganti rugi turutan dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul yang dialami oleh pemegang saham/pihak berkepentingan Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dari Program ini.
12. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini, melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian besar atau salah laku yang disengajakan oleh UOB Malaysia.
13. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Program ini yang diterbitkan dalam mana-mana media, pemasaran atau bahan pengiklanan.
14. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOB Malaysia dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, berhubung dengan Program ini.
15. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Program ini, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.
16. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Program ini pada keseluruhannya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan oleh UOB Malaysia atas Program ini tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada sebagai secara langsung atau tidak langsung seperti pembatalan, pengeluaran, penggantungan, peluasan atau penamatan itu.
17. UOB Malaysia berhak untuk menambah, memadam, menggantikan atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui paparan pada laman web UOB



Malaysia di www.uob.com.my, penampilan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.

18. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.